

02/11/2002

Malaysia tidak harus terus dipersendakan Singapura

SAMBIL Singapura berkeras bahawa Malaysia sudah kehilangan hak untuk menyemak semula harga air mengikut Perjanjian Air 1961 dan 1962, republik itu tergamak pula menuntut bekalan air secara jangka panjang dirundingkan lebih awal tanpa menunggu sehingga 2059. Kepada Menteri Luar Singapura, S Jayakumar, adalah tidak realistik untuk menanti sehingga dua tahun sebelum perjanjian 1962 itu luput bagi merundingkan satu perjanjian baru. Anehnya, pada masa yang sama, Singapura melihatnya sebagai amat realistik untuk bekalan air mentah terus disalurkan kepada negara itu pada harga tiga sen setiap 1,000 galen mengikut kadar harga pada 1927. Kononnya juga Singapura perlu merancang jauh lebih awal keperluan airnya bagi jangka panjang tetapi dengan kekalutan mengenai isu air ini, tiada jaminan bahawa Malaysia bersedia memeterai perjanjian baru dengan 'pelanggan' yang angkuh dan mementingkan diri.

Malaysia sebenarnya tidak ketandusan ikhtiar untuk mempertahankan haknya. Tiada apa-apa yang boleh menghalang negara ini untuk mengkaji dari segi undang-undang berhubung tindakan yang perlu diambil jika rundingan semakan harga air terus buntu, apatah lagi penjualan air mentah kepada Singapura pada harga sekarang hanya merugikan negara. Seperti diperuntukkan dalam kedua-dua perjanjian itu, Malaysia boleh merujuk pertikaian harga air kepada penimbangtara untuk satu keputusan lebih adil dicapai tanpa Singapura boleh mencabarnya. Kalau pun dua dokumen usang itu menjadi halangan, Malaysia masih boleh mewujudkan akta bekalan airnya sendiri yang membatalkan semua perjanjian atau kontrak dengan Singapura sekiranya itulah satu-satu penyelesaian yang ada.

Jika apa yang dimaklumkan Jayakumar kepada Parlimen Singapura kelmarin menjadi satu-satunya gagasan, ia bermakna Malaysia selama ini cuma dipermainkan. Anehnya pada ketika Jayakumar menyatakan Malaysia sudah kehilangan hak untuk merundingkan semakan harga, rundingan peringkat pegawai dan menteri kedua-dua negara sejak 1998 - yang beliau sendiri turut hadir - masih diadakan. Apa perlunya kedua-dua negara terus berunding jika Singapura secara terang dan nyata enggan langsung bertolak ansur. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam menegaskan Malaysia tidak akan berganjak daripada pendiriannya berhubung isu air. Itulah yang selayaknya buat Singapura yang bukan saja mendapatkan bekalan air mentah pada harga tidak masuk akal tetapi turut meniagakannya untuk mengaut keuntungan berlipat ganda.

Sebagai menyorot kenyataan terdahulu Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, bahawa republik itu patut memutuskan pergantungannya kepada bekalan air Malaysia, sebenarnya negara ini memang dari dahulu lagi menyatakan ia tiada halangan kerana langkah berkenaan akan mengurangkan kerugian di pihak Malaysia. Malah, kerajaan harus mempertimbangkan memberi notis dari sekarang untuk tidak lagi membekalkan air mentah kepada Singapura pada masa depan. Kalau pun Singapura masih memerlukan air dari Malaysia selepas 2061, mereka harus bersetuju membeli air dirawat. Apabila Skim Air Semanggar di Kota Tinggi dengan kos kira-kira RM700 juta siap tahun depan, Johor bukan saja dapat memenuhi keperluan domestik, malah turut berupaya menjual air dirawat kepada Singapura kalau republik itu mahu selain tertakluk kepada harga mengikut keadaan semasa serta setanding dengan di negara lain.

Ketika ini pun, kerugian Malaysia lebih besar kerana hasil tidak dapat dipungut daripada tanah yang diberikan kepada Lembaga Kemudahan Awam (PUB)

Singapura yang memiliki loji pemrosesan air di empat lokasi - Sungai Johor, Sungai Tebrau, Sungai Skudai dan Sungai Pulai - di tapak seluas 110 hektar yang beroperasi sejak kira-kira 40 tahun lalu. Tapak loji PUB itu juga tidak dipajak, sebaliknya kerajaan Malaysia hanya memperoleh hasil menerusi penjualan air mentahnya. Apabila tiba masanya nanti, Malaysia boleh merundingkan pampasan sewajarnya bagi pengambilan balik loji berkenaan. Mesej yang harus difahami Singapura ialah ia tidak seharusnya berkehendakkan sesuatu mengikut kepentingannya saja tanpa menghiraukan sama ada ia memberi faedah kepada Malaysia atau sebaliknya.